

# Mahkamah Jenayah Khas lindungi kanak-kanak

Undang-undang baharu elak generasi pelapis daripada jadi mangsa eksloitasi seks

Oleh Luqman Arif  
Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur

Undang-undang baharu bagi menangani kesalahan jenayah seksual kanak-kanak secara holistik dan komprehensif akan dibentangkan pada sesi persidangan Dewan Rakyat kali ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, Rang Undang-Undang Keselamahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 itu selaras hasrat kerajaan untuk menyertai Konvensyen Mengenai Jenayah Siber yang menetapkan porografi kanak-kanak sebagai satu kesalahan.

"Saya harap semua Ahli Parlimen akan sokong rang undang-undang ini tanpa mengira fahaman politik. Ini perlu bagi melindungi masa depan generasi pelapis dan memberi mesaj laut tentang bahawa jenayah seksual kanak-kanak adalah kesalahan besar," katanya.

**Sampai ucaptama**  
Belau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama merasmikan Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!, yang turut dihadiri Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri merangkap Penasug PERMATA Negara, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk

man politik. Ini perlu bagi melindungi masa depan generasi pelapis dan memberi mesaj laut tentang bahawa jenayah seksual kanak-kanak adalah kesalahan besar," katanya.

**Fakta nomor**  
**5,799 KES**

penderaan seksual kanak-kanak direkodkan JKM dari 2010-2015

**963 PURATA**

kes penderaan seksual kanak-kanak setahun direkodkan JKM dari 2010-2015

Najib bersama Rosmah, Megawati, Ahmad Zahid, Rohani dan Azalina hadir pada Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak di PWTC, semalam.



Seri Azalina Othman Said.

Yang turut hadir, bekas Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri yang akan menyampaikan pernyataan khas bertajuk 'Kerjasama ASEAN Dalam Membantera Jenayah Seksual Kanak-Kanak' pada hari kedua seminar berkenaan, hari ini.

**Mahkamah Jenayah Khas**

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bercadang mewujudkan Mahkamah Jenayah Khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual membabitkan mangsa kanak-kanak dengan fungsi yang berbeza daripada Mahkamah Kanak-Kanak sedia ada.

"Mahkamah Kanak-Kanak hanya kendali kes di mana pelaku jenayah adalah kanak-kanak. Mahkamah Jenayah Khas pula akan bantu lindungi kanak-kanak secara holistik, mempercepat dan melanjut-

carkan prosiding serta perbicaraan kes," katanya.

Najib berkata, perangkaan lima tahun bermula 2010 yang direkodkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan sebanyak 5,799 kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak direkodkan atau purata 963 kes setahun.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh 2015 dan 2016 pula, katanya, menunjukkan 2,759 kes rogol, 412 kes sumbang mairam, 1,423 kes cabul kehormatan dan 422 kes luar tabit membabitkan mangsa di bawah umur 18 tahun dilaporkan.

"Kes seperti ini tidak sepatutnya berlaku. Justeru kita wajar saling membantu untuk melindungi kanak-kanak sebagai generasi pelapis negara daripada terus menjadi mangsa eksloitasi seksual," katanya.